



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI “MEH LE BELAJAU LOGHAT MELAKA”

MELAKA, 1 Oktober 2024 – Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah merasmikan program Bicara Bahasa Kolokial: Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti bertema “**Moh Ler Belajau Loghat Melaka**” bertempat di Dewan Muzium Rakyat, Banda Hilir Melaka.

Program Bicara Bahasa Kolokial Melaka ini merupakan siri jelajah terakhir yang dianjurkan oleh Arkib Negara Malaysia pada tahun 2024 sebelum melabuhkan tirainya dengan **Konvensyen Kebangsaan Bahasa Kolokial: Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti yang akan diadakan pada 6 hingga 7 November 2024** bagi mendokumentasikan bahasa percakapan atau bahasa kolokial masyarakat di semua negeri seluruh Malaysia.

Beliau berkata program ini sangat signifikan untuk **memperkenalkan keindahan dan keunikan loghat Melaka** di samping bagi **memastikan bahawa bahasa kolokial ini terus hidup dan kekal relevan** dalam kalangan generasi muda. Bahasa boleh menjadi medium ampuh sebagai **agen perpaduan kaum** bagi **memperkukuhkan semangat cintakan sejarah, budaya dan patriotisme** dalam kalangan masyarakat setempat.

Kementerian Perpaduan Negara menyokong usaha Arkib Negara Malaysia dalam mendokumentasikan bahasa kolokial negeri Melaka bagi **memasyarakatkan sejarah, budaya dan warisan negara** supaya ia dapat kekal dirujuk dan dihayati oleh generasi akan datang.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
1 Oktober 2024